

Pas bertekad serang imej UMNO habis-habisan

UM 26 JUN 2001

KUALA LUMPUR 25 Jun
— Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor berkata baha-
wa partinya kini bertekad
menyerang secara habis-
habisan imej UMNO serta
membongkar apa yang di-
dakwanya sebagai 'penye-
lewengan' yang dilakukan
oleh parti pemerintah.

Ini, katanya, penting un-
tuk memastikan kejayaan
pakatan pembangkang
pada pilihan raya umum
2004.

"Undi rakyat sama ada
orang Melayu atau orang
Cina sama penting. Pas
yakin bersama gabungan
parti pembangkang, BN
akan ditumbangkan," ka-
tanya kepada *Utusan* hari
ini.

Mengulas kenyataan
Presiden UMNO, Datuk
Seri Dr. Mahathir Moha-
mad yang mendakwa Pas
pengkhianat oang Islam
dan negara Islam, Fadzil
menafikannya, sebaliknya
menubuh UMNO yang ber-
sifat demikian.

Dalam ucapan peng-
gulungannya ketika menu-
tup Perhimpunan Agung
UMNO kelmarin, Dr. Ma-
hathir menegaskan, ini ke-
rana Pas sanggup mengga-
dai hak keistimewaan
Melayu selain menolak
perpaduan bangsa.

Menurut Fadzil, Pas te-
tap menganggap Malaysia
negara sekular walaupun

ia diiktiraf negara Islam
cemerlang oleh negara Is-
lam lain di seluruh dunia.

Sambil menempelak ke-
nyataan Dr. Mahathir me-
ngenai tanggapan Pas itu,
beliau berkata: "Bukankah
(Almarhum Perdana Men-
teri Malaysia pertama)
Tunku Abdul Abdul Rah-
man pun cakap Malaysia
negara sekular.

"Setakat ini pun, UMNO
tidak membuat apa-apa
mengikut lunas Islam".

Mengenai permintaan
Dr. Mahathir supaya ahli
mentaati Presiden UMNO
dan bukannya beliau,
Fadzil berkata, ini menun-
jukkan demokrasi tidak
ada dalam parti itu.